

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR. HAJAH ROZIAH
MOHD JANOR
NAIB CANSELOR UiTM**

Sempena

**MAJLIS PERASMIAN
PAMERAN CATAN FIGURA, FIGURA DALAM CATAN**

**2 FEBRUARI 2023 | KHAMIS | 2.30 PETANG
GALERI SENI KPSK,
KOMPLEKS ILHAM UiTM SHAH ALAM**

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis,

Bismillahirrahmanirrahim,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.**

Yang Berbahagia Profesor Dr. Shahnum Md. Shah
Penolong Naib Canselor KPSK

Yang Berusaha Dekan-Dekan KPSK

**Timbalan-Timbalan Naib Canselor,
Dekan-Dekan Fakulti,
Ketua-Ketua Jabatan,
Para Pensyarah,
dan Para hadirin sekalian,**

[Salutasi -Kemaskini berdasarkan kehadiran]

1. Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan Izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada petang ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Galeri Seni Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) di atas penganjuran 'Pameran Catan Figura, Figura Dalam Catan', buat julung kalinya.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

2. Galeri seni amat penting dalam menyokong aktiviti akademik khususnya di dalam bidang seni halus. Bagi sesebuah Galeri Seni di universiti, himpunan koleksi-koleksi terbaik graduan merupakan satu keperluan agar ia boleh dijadikan rujukan oleh para penggiat seni, dan masyarakat umum dari semasa ke semasa.

3. Galeri Seni KPSK ini berbeza dari galeri persendirian yang lain. Pameran-pameran yang dianjurkan di galeri seni KPSK lebih menekankan kepada nilai-nilai akademik. Karya-karya seni ini dipamerkan

agar ia dapat dihayati, dilihat, dianalisis, dikaji dan diterjemahkan sebagai karya rujukan. Ini ialah satu proses yang amat penting bagi pelajar bidang seni kreatif untuk memupuk penghayatan dan pemahaman di dalam bidang seni visual.

Hadirin sekalian,

4. Nilai keseluruhan karya yang dipamerkan dalam pameran ini mencecah hampir RM1.2 juta. Saya yakin nilai sebenarnya lebih besar jika semua koleksi yang ada dinilai semula seperti mana yang dimaklumkan oleh Prof. Dr. Shahanum sebentar tadi.

5. Saya amat berharap semua karya seni ini dijaga dengan baik kerana ia merupakan karya-karya awal seniman terkenal negara yang dilahirkan UiTM. Mana-mana karya yang hendak dibaiki, perlulah dilakukan proses restorasi dan pemuliharaan, agar kualiti karya-karya tersebut kekal terjaga, sesuai dengan amanah yang perlu dijaga sebaik mungkin.

6. Koleksi tetap Galeri Seni KPSK ini merupakan khazanah seni yang perlu dijaga sewajarnya untuk kajian dan rujukan generasi akan datang. Tidak mustahil karya-karya yang dipamerkan hari ini akan menjadi karya-karya penting atau ikonik. Seperti mana karya-karya yang sedang dipamerkan di Louvre Museum dan Centre Pompidou di Paris.

7. Strategi yang efektif perlulah direncanakan oleh pihak pengurusan KPSK untuk mengangkat koleksi yang ada. Saya berharap pihak KPSK teruskan usaha ini, bukannya sekadar penganjuran pameran tetapi perlulah diiringi dengan penulisan yang membicarakan karya yang terlibat secara ilmiah dan kritis. Terbitkan dalam jurnal supaya dapat memberikan lebih manfaat kepada penyelidik.

Hadirin sekalian yang dikasihi,

8. Ingin saya memetik Perutusan Tahun Baharu 2023 oleh Menteri Pendidikan Tinggi pada Isnin yang lepas. Azam ketujuh beliau adalah untuk melakukan rombakan

besar-besaran terhadap sistem dan ekosistem TVET nasional.

9. YB Menteri menyatakan "mega trend dunia sedang menjurus kepada tiga perubahan utama. Pertama *HighArts*, kedua *High Tech* dan ketiga *High Touch*."

10. Kemahiran seni kita perlu dipertingkatkan dengan kualiti artistik dan kreativiti aras tinggi. Muzik yang berkelas dunia. Lukisan yang diiktiraf bernilai. Tenunan yang bermutu tinggi. Inilah *high arts*. Saya berharap dan yakin KPSK mampu mencapai hasrat YB Menteri ini.

11. Selain itu strategi visibiliti dan publisiti melalui wadah komunikasi universiti seperti Jabatan Komunikasi dan Radio UFM juga haruslah dimanfaatkan sebaiknya melalui proses sedia ada. Saya yakin kerjasama erat pihak Galeri Seni, bersama unit Komunikasi Korporat KPSK dan Jabatan Komunikasi boleh menghasilkan impak yang kuat untuk mempromosikan Galeri Seni KPSK.

12. Sesungguhnya usaha murni ini dapat diperluaskan lagi dan diteruskan pada masa hadapan. Saya juga berharap lebih banyak pameran seperti ini dapat diadakan dengan melibatkan kerjasama dan sokongan daripada pelbagai rakan strategik kita. Usaha ini hanya akan dapat dicapai jika semua pihak berganding bahu. Saya ingin melihat KPSK berada di kedudukan terbaik di antara yang terbaik dalam konteks seni kreatif.

13. Bukan sahaja dalam negara malah pada peringkat antarabangsa. Kerjasama dengan rakan-rakan MoU dari luar negara perlulah dimanfaatkan semaksimumnya. Saya juga berharap agar pameran seumpama ini boleh dibawa keluar, maksud saya bekerjasama dengan pihak galeri negeri seperti di Pulau Pinang dan Melaka.

14. Saya amat berharap agar satu perancangan dan strategi dilakukan agar kewujudan Galeri Seni yang tertua dalam kalangan IPTA ini menjadi pusat rujukan dan pusat kecemerlangan dalam konteks seni kreatif yang tersohor.

15. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang telah berusaha untuk merencanakan pameran ini. Saya berharap agar pameran ini dapat mencapai objektifnya dan mampu menarik lebih ramai pelawat untuk berkunjung ke Galeri Seni KPSK ini.

16. Mewakili pihak Pengurusan Eksekutif Universiti, saya sentiasa melihat kekuatan KPSK dalam pelbagai aspek. Teruskan menaikkan nama KPSK dan UiTM. Kombinasi 3 disiplin kreatif yang disatukan atas nama KPSK pasti menjadi yang terbaik antara yang terbaik dalam kita mengorak momentum yang lebih mampan ke arah mencapai GRU 2025.

Dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' saya merasmikan PAMERAN CATAN FIGURA, FIGURA DALAM CATAN pada petang ini.

Sekian

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

